

**JUMAAT, 16 OKTOBER, 1981**

## British melatah

BEBERAPA peristiwa yang berlaku dalam hubungan Britain dengan Malaysia akhir-akhir ini nampaknya memarahkan negara itu. Terpenting antaranya ialah pengambilalihan Syarikat Guthrie oleh PNB. Kemudian, yang terbaru, ialah arahan kepada jabatan dan agensi Kerajaan supaya tidak lagi memberikan kontrek kepada syarikat-syarikat British. Reaksi Britain ialah meminda peraturan mengenai pengambilalihan syarikat-syarikat yang berdaftar di London. Kini akhbar-akhbar British melancarkan kempen menghina negara dan Perdana Menteri pula.

Dari reaksi Britain itu, dan dari tanduknya selama ini, jelaslah bahawa ia masih bersikap penjajah. Kerana itu ia sepatutnya menerima tindak balas yang lebih buruk. Selamanya ia menuntut layanan istimewa dari Malaysia tetapi tidak pula bersedia membalasnya dengan layanan yang setaraf. Ia mengenakan halangan dagang terhadap barangan negara ini menyebabkan imbalan dagang yang sentiasa menguntungkannya. Ia juga mengenakan bayaran pelajaran yang tinggi kepada pelajar-pelajar dari negara ini. Tetapi sehingga ini, seperti kata Tengku Razaleigh Hamzah, Malaysia masih tidak terkeluar dari tunjuk ajar British sendiri. Pengambilalihan Guthrie, misalnya, dilakukan mengikut peraturannya sendiri — walaupun, kerana kali ini kepentingan British yang terjejas, ia mensifatkannya sebagai tindakan pemiliknegeraan melalui pintu belakang. Arahan kepada jabatan dan agensi Kerajaan itu juga, seperti kata Datuk Seri Dr. Mahathir, adalah mengikut tauladan British. Kerana ia menukar peraturan yang dibuatnya sendiri, Malaysia juga ikut mengubah peraturannya.

Jadi tidak ada sebab mengapa Britain harus melatah seperti sekarang. Kedua negara saling dapat menimba faedah ekonomi jika hubungan yang mesra dan ikhlas dapat diteruskan. Bukankah kedatangan dua orang Menteri British baru-baru ini bertujuan untuk memastikan hubungan dagang yang lebih baik baginya? Tetapi jika akhbar-akhbar British terus menghina, kemungkinan hubungan yang mesra itu adalah diragukan. Britain tidaklah boleh mengharap yang Malaysia boleh ditundukkan dengan ugutan, apalagi dipaksa untuk menyembahnya.